



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 24 DISEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	14,000 HEKTAR TANAH ADAT TERBIAR, NASIONAL, BERITA HARIAN -19 KERAJAAN NEGERI PAJAK JADIKAN TANAH PERTANIAN, NASIONAL, BERITA HARIAN -19	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	NURTURING BEAUTY BEYOND THE REEF, NATION, THE STAR -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5. 6.	SWEDE HELD FOR BRINGING IN 10KG FROZEN PORK SAUSAGES, NEWS/NEWS IN BRIEF, NEWSTRAITSTIMES -14 MAQIS RAMPAS MANGGA DUANGKITI SERANGGA PEROSAK, NASIONAL, BERITA HARIAN -18 RAMPAS 10KG SOSEJ BABI, SINAR NEGERI P.PINANG/PERLIS, SINAR HARIAN -33	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7. 8. 9.	NAFAS EDAR 75 PERATUS BAJA SUBSIDI, NASIONAL, BERITA HARIAN -3 75 PERATUS BAJA DIAGIH, NASIONAL, SINAR HARIAN -20 LEBIH 75 PERATUS SUBSIDI BAJA DIAGIH, NEWS, SINAR HARIAN(WWW.SINARHARIAN.COM.MY) -7	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# 14,000 hektar tanah adat terbiar

Undang-undang di Negeri Sembilan sukarkan usaha pembangunan

Oleh Azzman Abdul Jamal dan Amran Yahya  
binnews@bh.com.my

Seremban: Isu tanah terbiar bukan masalah baharu di Malaysia, namun keadaannya berbeza di Negeri Sembilan kerana sebahagian besarnya membolehkan tanah adat yang dimiliki masyarakat Adat Perpatih.

Berdasarkan data diperolehi BH, sebuah 14,000 hektar tanah di negeri ini diklasifikasikan sebagai tanah adat yang dilindungi undang-undang tertentu, sekali gus menyebabkan kerajaan negeri menyangka kerajaan negeri wenang-wenang mengambil tanah berkenaan meskipun untuk diinjulkan.

Malah, undang-undang itu juga menjelaskan tanah terbiar tidak boleh dijual kepada pihak luar kerana ia milik Suku Adat Per-

## Laporan Khas

patih dan bukannya penama yang disenarai sebagai pemilik.

Undang-undang itu digariskan menerusi tiga enakmen, iaitu Enakmen Pemegangan Adat Bab 215, Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkong) 1960 dan Enakmen Undang Rembau (Tanah) 1949.

Isi bertujuan memastikan tanah berkenaan kekal milik masyarakat Negeri Sembilan kerana sebahagian besar dapat diturunkan kepada generasi seterusnya sebagai pemegang amanah.

Namun, kegagalan pewaris menjaga tanah adat itu seperti disamanakn kepada mereka menyebabkan ia menjadi terbiar, sekali gus menyumbang kepada pertambahan tanah terbiar.

Disebabkan lokasi tanah adat terletak di luar bandar seperti Rembau, Kuala Pilah, Jempol, Jelau dan Tampin, ia sekali gus menjadi kekangan kepada kerajaan negeri mewujudkan pembangunan di kawasan berkenaan.

Menyoal masalah ini, Dato

Lembaga Suku Biduanda Waris Lantai Kulit Luak Ulu Muar, Abdul Khalid Ujang, mendedahkan antara punca utama adalah disebabkan pewaris tanah adat yang berdepan kontroversi sesama mereka berhubung hak milik tanah.

Contohnya, tanah adat sebuah dua hingga tiga hektar mempunyai lebih 10 waris, dan disebabkan mereka mempunyai pandangan berbeza, tidak ada kata putus untuk memajukan tanah berkenaan.

Selain itu, katanya, isu tanah adat terbiar juga disebabkan pewaris membuat keputusan untuk berpindah ke kawasan bandar dan lebih menumpukan kepada kehidupan baharu di sana.

"Disebarkan pihak luar termasuk kerajaan negeri tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil alih pentadbiran tanah itu, ia menyebabkan tanah adat diwarisi mereka terus menjadi terbiar sehingga hari ini," katanya.

Abdul Khalid berkata, menyedari masalah itu, Ketua Adat terdiri daripada 12 Suku Adat Perpatih sejak beberapa tahun lalu membuat keputusan bersama pewaris tanah untuk membenarkan tanah warisan itu dimajukan dengan melaksanakan pembangunan tidak kekal.



Abdul Khalid (kanan) bersama Dato Orang Kaya Muda, Abu Azz A Rashid menunjukkan sebahagian tanah adat terbiar di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.  
(Foto: Ignai Haqim Rosman/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/12/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

# Kerajaan negeri pajak jadikan tanah pertanian

**Seremban:** Kerajaan negeri memutuskan tanah adat terbiar di Negeri Sembilan akan diusahakan sebagai tanah pertanian.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawir, berkata keputusan itu dibuat selepas mendapat persetujuan masyarakat Adat Perpatih menerusi perbincangan bersama semua Datuk Lembaga.

Sehingga kini, seluas 1,002 hektar tanah adat terbiar dibangunkan sebagai tanah pertanian di Kuala Pilah, Rembau dan Jempol.

"Usaha sama ini terjalin selepas kerajaan negeri dan Jabatan Pertanian mendapat persetujuan masyarakat Suku Adat Perpatih menerusi Datuk Lembaga di beberapa kawasan sejak dua tahun lalu.

"Setakat ini, kita berjaya mengumpul 1,002 hektar tanah adat untuk dimajukan sebagai tanah

pertanian. Kerajaan sedang mengenal pasti bilangan tanah adat yang terbiar untuk dibangunkan.

"Namun, kita perlu teliti dahulu keadaan tanah itu untuk kenal pasti jenis tanaman sesuai. Justeru, kita akan terus berbincang dengan Datuk Lembaga di kawasan yang belum dimajukan," katanya kepada *BH*.

Sementara itu, Dato Lembaga Suku Biduadna Waris Lantai Kulit Luak Ulu Muar, Abdul Khalid Ujang, berkata antara tanaman yang ditanam merangkumi padi, pisang, jagung, buah naga dan pelbagai jenis sayur-sayuran.

Katanya, Ketua Adat sebelum ini merangka satu formula bagi membenarkan tanah adat ini diusahakan pihak luar menerusi pembangunan tidak kekal iaitu menjadikan ia sebagai tanah pertanian.

"Menerusi formula yang diperkenalkan sejak dua tahun lalu, tanah itu

akan dipajak kepada pengusaha luar selepas dibincang bersama Jabatan Pertanian dan dan mendapat kebenaran Ketua Adat.

"Nilai pajakan dianggarkan antara RM400 hingga RM600 sekali tuai dan pengusaha akan meraih keuntungan daripada hasil tuai terbabit.

"Bagaimanapun, kontrak mengusahakan tanah adat berbeza bagi setiap perjanjian yang dibuat antara Ketua Adat dan pengusaha luar. Sebaik kontrak usaha sama tamat, kita akan semak semula sebelum memutuskan sama ada membenarkan pengusaha sama meneruskan tanaman itu atau diserahkan kepada pengusaha lain," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Khalid berkata, sekiranya pengusaha tidak mengusahakan tanah itu sebagai tanah pertanian, ia akan ditarik semula untuk diusahakan oleh pengusaha lain.

Headline	Nurturing beauty beyond the reef		
MediaTitle	The Star		
Date	24 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	175,986
Page No	14	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	419 cm <sup>2</sup>
Journalist	VENESA DEVI	AdValue	RM 21,168
Frequency	Daily	PR Value	RM 63,503



# Nurturing beauty beyond the reef

Lover of marine life breeds coral for the masses



Corralling coral: Looi (right) and his cousin Ng Ken Wen with the hundreds of corals species that could be found in their Johor Baru shop.

By **VENESA DEVI**  
venesa@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** At barely seven years old, the sea and its marine life captivated him.

Growing up, Allan Looi always wanted to have a tank filled with marine life in his home, but this unfortunately was beyond his family's means.

"I was about seven when my father brought me to look for a marine tank, but the cost was too high, and we went home empty handed," he said when met at his shop here.

The 37-year-old former auditor, now one of Johor's few coral breeders, said among the reasons he went into the trade was to ensure that every one could enjoy the beauty of the

ocean — not just the wealthy.

Looi started learning about corals six years ago, wanting to know more about the mysterious creature.

"I had just got my first home at the time and I really wanted it to have marine life as it has always been a passion of mine.

"I did my own research on the internet and learned not only about how to take care of it but also how to breed them," he said.

Looi added that he then spent a good amount of time over the next few months sharpening his skills on coral breeding, and was able to expand to six coral tanks a few years later.

"I started selling the corals I bred, and slowly I was able to have my own shop where I

could have more space to culture the corals," he said, adding that it was also easier to create environments conducive to their growth.

Looi, who now breeds over 500 species of corals at his shop here, said he hoped to build awareness among the public about corals and other marine life, including how to restore them and guard them from extinction.

"I am working closely with the Semporna Fisheries Department in Sabah to restore corals on an 8ha plot in the sea.

"This will be a testing ground for me to test my skill in the natural world as it is harder to breed them there compared to controlled environments," he said, adding that it would take about three to six months for him to know if the breeding technique works at sea.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/12/2019	NEWSTRAIT- STIMES	NEWS/NEWS IN BRIEF	14

## Swede held for bringing in 10kg frozen pork sausages

**BAYAN LEPAS:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) and Customs Department detained a 30-year-old Swedish man at Bayan Lepas International Airport on Sunday for bringing in 10kg of frozen pork sausages. Maqis director Zarina Ramli said the man arrived on a flight from Qatar with the product, which did not have a health certificate or permit from Maqis. "The government banned bringing in or importing pork and pork products from countries affected by African Swine Fever." She said importing pork without a permit from Maqis was an offence under Section 11(1) of the Quarantine and Inspection Services Act 2011 and punishable under Section 11(3) of the same act. Offenders can be fined up to RM100,000 or jailed up to six years or both.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/12/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

# MAQIS rampas mangga dijangkiti serangga perosak

**Padang Besar:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 1,075 kilogram buah mangga yang dijangkiti serangga perosak bernilai RM1,621 di Kompleks Lembaga Kema-juan Ikan Malaysia (LKIM) Padang Besar.

Pengarah MAQIS Perlis, Khairi Arif, berkata buah mangga berkenaan dirampas ketika dibawa masuk dari Thailand dengan menggunakan sebuah lori yang dipandu oleh warga Thailand pada jam 3 petang kelmarin.

"Buah berkenaan mempunyai sijil dan permit yang sah ketika dibawa masuk oleh pemandu berkenaan.

"Bagaimanapun pihak kami menjalankan pemeriksaan ke atas buah dan mendapati semuanya rosak dan dijangkiti serangga berpenyakit," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Khairi berkata, pihaknya menahan pemandu warga Thailand terbabit dan me-



**Mangga berpenyakit dirampas MAQIS dipercayai dibawa masuk dari Thailand di Kompleks LKIM Padang Besar.**

(Foto Ihsan MAQIS)

rampas semua buah berkenaan.

"Buah terbabit akan dibakar bagi mengelakkan jangkitan serangga berperosak ke atas tanaman di dalam negara ini.

"Pemandu warga Thailand terbabit ditahan MAQIS untuk dikenakan tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 dan jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/12/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI P.PINANG/ PERIS	33

# Rampas 10kg sosej babi

*Dibawa masuk oleh lelaki warga Sweden di LTAPP*

MOHD ISKANDAR OTHMAN

GEORGETOWN

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas sebuah bungkusan mengandungi sosej babi sejuk beku tanpa permit import seberat 10 kilogram (kg) yang cuba dibawa masuk ke negara ini petang kelmarin.

Bungkusan yang dibawa oleh lelaki warga Sweden berusia 30-an itu, dirampas di laluan penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) pada jam 2.30 petang dan dikatakan baru tiba ke negara ini dengan menaiki peherbangan dari Qatar.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, pengimportan daging babi dan



Pegawai penguat kuasa Maqis menunjukkan sosej babi yang cuba dibawa masuk oleh lelaki warga Sweden di LTAPP kelmarin.

produk yang berasaskan babi melalui laluan udara adalah dilarang sama sekali.

Menurutnya, tindakan itu kerana virus Demam Babi Afrika (ASF) amat mudah merebak

walaupun dengan kuantiti yang sangat sedikit.

"Antara produk-produk yang diklasifikasikan sebagai pembawa virus ASF adalah seperti babi hidup, daging babi

sejuk beku, daging babi proses seperti babi salai, sosej babi dan apa-apa jenis produk babi yang lain," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Zarina berkata, dalam kes berasingan, pihaknya turut menahan seorang penumpang warga Thailand yang membawa masuk tempurung kelapa seberat 5kg yang dipercayai untuk tujuan membuat barangan hiasan.

Katanya, kemasukan tempurung kelapa itu juga dibawa tanpa permit import daripada Jabatan Maqis dan juga sijil fitosanitasi.

"Perbuatan mengimport sosej babi dan tempurung kelapa tanpa permit yang sah dari Maqis adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama.

"Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.

# NAFAS edar 75 peratus baja subsidi

Alor Setar: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sudah mengagihkan 75 peratus baja subsidi di Kedah dan Perlis sejak dua minggu lalu bagi musim kedua tahun ini selepas mendapat 'lampu hijau' daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, berkata Kementerian Kewangan sudah memberi kelulusan untuk MOA membuat demukian selepas surat setuju terima kontrak pengagihan ditandatangani.

Katanya, pengagihan itu dijalankan selesai dalam tempoh se-minggu atau dua minggu lagi.

"Pihak saya dimaktumkan mengenai kelulusan kontrak untuk pengagihan baja bersubsidi kepada NAFAS, jadi saya pegang arahan bertulis Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

"Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) akan edar baja subsidi kepada peledang, kita tiada masalah edar baja secara pantas berikutan gandang NAFAS hanya di Gurun," katanya selepas program 'Jom Kembali Ke Sekolah' di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent bagi menyerahkan bawcar bernilai RM100 setiap seorang kepada 200 pelajar bagi membeli barangan kelengkapan sekolah, di sini, semalam.

Beliau yang juga Ahli Dewan



Phahrolrazi menyerahkan bawcar bernilai RM100 kepada murid pada program Jom Kembali Ke Sekolah di SMK Convent, Alor Setar, semalam.

baja berulang.

Pada masa sama, katanya, NAFAS berharap terus diberi kepercayaan untuk membekal dan mengagihkan baja subsidi selepas lebih 30 tahun berpengalaman dalam kerja berkenaan.

"Baja adalah perniagaan utama NAFAS sejak dulu lagi, jadi selepas ini untuk musim pertama

tahun depan, kita berharap akan dapat kelulusan lebih awal.

"Ini kerana kita memerlukan masa sekurang-kurangnya dua bulan untuk menyediakan baja.

"Kita perlu membuat tempahan bahan mentah dari luar negara, jadi memang ambil masa untuk dapatkan bekalan," katanya.



# 75 peratus baja diagih

*Nafas sasar selesaikan agihan pada hujung bulan ini*

WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

ALOR SETAR

**L**ebih 75 peratus subsidi baja telah diagihkan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bagi musim kedua di Kedah dan Perlis sejak dua minggu lalu selepas menerima arahan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi berkata, Kementerian Kewangan (MOW) telah memberikan kelulusan kepada MOA untuk menyambung kontrak pembekalan subsidi baja oleh Nafas kepada pesawah.

Menurut Phahrolrazi, sekiranya tidak menghadapi sebarang masalah, baki agihan subsidi baja dijangka selesai diardakan pada hujung bulan ini.

"Kita hantar kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan pertubuhan berkenaan akan hantar serta agih subsidi baja kepada pesawah.

"Untuk 2020, harapan Nafas adalah baja subsidi ini terus diberikan kepada kita kerana memang sebelum ini diberikan kepada Nafas sejak 30 tahun lalu. Ia adalah sebahagian daripada permia- gaan utama kami kerana ada kilang di Gurun yang memproses baja ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan baucar bernilai RM100 setiap seorang kepada seramai 200 pelajar sempena program Jom Ke Sekolah anjuran Nafas di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent di sini semalam.

Mengulas lanjut mengenai status agihan subsidi baja oleh Nafas yang mengalami kelewatan, beliau berkata, setakat ini pihaknya tidak menghadapi masalah untuk membekalkan baja jika mendapat pesanan lebih awal.

"Mungkin tahun ini ada sedikit masalah birokrasi yang menyebabkan kelewatan. Saya harap tahun depan kita akan diberikan kelulusan lebih awal sebab kita perlu pesan bahan-bahan mentah dari luar negara seperti Rusia dan Australia.

"Bahan-bahan mentah mengambil masa untuk sampai ke Malaysia dan Nafas memerlukan tempoh sekurang-kurangnya dua bulan untuk menyediakan baja sebelum menghantarnya kepada PPK," katanya.



Phahrolrazi (kanan) menyampaikan baucar bernilai RM100 kepada pelajar sempena program Jom Ke Sekolah anjuran Nafas di SMK Convent, Alor Setar semalam.

Headline	Lebih 75 peratus subsidi baja diagih		
MediaTitle	Sinar Harian(www.sinarharian.com.my)		
Date	24 Dec 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	7	Readership	4
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,600

## Lebih 75 peratus subsidi baja diagih

Phahrolrazi (kanan) menyampaikan baucar bernilai RM100 kepada pelajar sempena program Jom Ke Sekolah anjuran Nafas di SMK Convent, Alor Setar semalam.

ALOR SETAR - Lebih 75 peratus subsidi baja telah diagihkan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)